

**MEMORANDUM KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA  
KEPADA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**23 March 2007**

**TUJUAN**

Tujuan memorandum ini ialah untuk mengemukakan kepada kerajaan beberapa perakuan untuk menangani isu-isu berhubung dengan penuaan penduduk khususnya kaum pekerja di Malaysia.

**PENUAAN PENDUDUK MALAYSIA**

Mengikut Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia, penduduk Malaysia akan mula menua pada tahun 2030 iaitu apabila peratus penduduk yang berumur 60 tahun ke atas adalah melebihi 15%. Definisi ini adalah mengikut Chen and Jones (1989). Ini bermakna dalam tempoh lebih kurang 20 tahun lagi keadaan demografi Malaysia akan berubah.

**IMPLIKASI PENUAAN PENDUDUK**

Apakah implikasi penuaan penduduk kepada Malaysia?. Umumnya apa yang akan berlaku di Malaysia telah pun berlaku di negara-negara maju yang telah lama mengalami masalah penuaan penduduk ini. Perbezaan fenomena ini di antara negara maju dan negara membangun ialah penduduk negara maju menua apabila pendapatan Per Kapita mereka telah meningkat. Dalam erti kata lain mereka menua apabila telah kaya sedangkan penuan penduduk negara membangun pula akan berlaku apabila mereka masih belum menjadi kaya. Keadaan ini sudah tentu ini akan menimbulkan kesulitan yang lain pula iaitu peningkatan kemiskinan di hari tua.

Penuaan penduduk akan menimbulkan keperluan kewangan yang lebih tinggi di hari tua. Sekiranya warga tua yang terlibat tidak mempunyai simpanan atau pencen untuk menyara kehidupan hari tua mereka, kaum keluarga mereka perlu membantu mereka. Jika kaum keluarga pula tidak mampu berbuat demikian, mereka akhirnya mereka akan memohon bantuan daripada kerajaan. Ini bermakna kerajaan terpaksa mengutip lebih banyak cukai daripada pembayar cukai untuk memberi bantuan bagi mengelakkan kemiskinan dikalangan warga tua.

Terdapat dua golongan penduduk yang akan terlibat dengan masalah ini iaitu penduduk yang bekerja sama ada sebagai pekerja atau sebagai majikan dan penduduk yang tidak bekerja seperti suri rumah tangga misalnya. Bagi penduduk yang bekerja pula iaitu dari golongan pekerja, mereka akan mendapat pencen, jika mereka bekerja dengan kerajaan atau mempunyai simpanan KWSP jika bekerja dengan sektor swasta. Persoalannya ialah sama

ada pencen atau simpanan KWSP mereka ini mencukupi atau tidak. Jika tidak, masalah yang sama akan turut timbul.

Implikasi kedua ialah keperluan untuk penjagaan bagi warga tua yang memerlukan perkhidmatan ini. Penjagaan ini termasuklah penjagaan jangka panjang bagi warga tua yang kurang berupaya seperti warga tua yang terlantar di katil, memerlukan dialysis, hidup seorang diri dan sebagainya. Jangka hayat rakyat Malaysia semakin meningkat. Statistik menunjukkan ramai rakyat Malaysia akan menjangkau umur 80an tetapi mereka tidak semestinya sihat. Penjagaan jangka panjang memerlukan kos yang tinggi. Sanggupkah atau lebih penting lagi mampukan anak-anak atau kaum keluarga mengeluarkan perbelanjaan tersebut?

Seterusnya keperluan penjagaan kesihatan juga akan meningkat. Ini bermakna kos penjagaan kesihatan juga akan meningkat. Warga tua adalah golongan yang mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menghidap penyakit kritikal. Penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit kritikal juga melibatkan kos yang tinggi kerana ia memerlukan kepakaran tertentu serta penggunaan alat-alat perubatan yang canggih.

Jika warga tua tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan sendiri atau melalui keluarga untuk mendapatkan penjagaan kesihatan walau yang asas sekalipun, mereka akan mendapat penjagaan ini daripada hospital kerajaan. Seperti yang umum ketahui, hospital kerajaan sedang mengalami masalah yang meruncing untuk memberikan perkhidmatan kepada terlalu ramai pesakit pada masa ini. Bayangkan masalah ini akan ditambah dengan masalah berkaitan dengan keperluan warga tua pula.

## **PERAKUAN**

Bagi menangani isu-isu yang berat ini, kerajaan perlu mengiktiraf terlebih dahulu bahawa isu ini adalah serius dan memerlukan perancangan jangka panjang yang rapi yang perlu dilaksanakan mulai sekarang. Kegagalan kita membuat dan melaksanakan perancangan ini mulai sekarang akan menimbulkan masalah yang mungkin sukar akan ditangani oleh generasi akan datang.

Untuk menggubal perancangan ini kerajaan perlulah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang ada kaitan dengan isu ini iaitu kesatuan sekerja, persatuan majikan dan kerajaan sendiri. Hanya dengan cara ini perancangan yang komprehensif dapat dihasilkan yang boleh diterima oleh pihak-pihak yang ada kepentingan terhadap isu ini.

Sebagai permulaan pihak MTUC ingin mengemukakan beberapa perakuan untuk membentuk perancangan ini yang berkaitan dengan kaum pekerja seperti berikut:-

1. Bagi menentukan pekerja mempunyai simpanan yang lebih tinggi untuk persaraan berbanding dengan sekarang, kerajaan hendaklah meningkatkan umur persaraan daripada 56 tahun bagi pekerja sektor awam kepada 60 tahun. Dengan cara ini pekerja di sektor swasta juga akan meningkatkan umur persaraan mengikut polisi yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagi sektor swasta Peningkatan umur persaraan akan meningkatkan tempoh untuk mencarum kepada KWSP dan sekaligus memendekkan tempoh bersara. Bagi sektor awam pula bayaran ganjaran akan meningkat dan jika kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya untuk mengubah formula pencen, maka pekerja sektor awam akan juga menikmati kenaikan kadar *pencen mengikut tempoh perkhidmatan dengan kerajaan*.
2. Satu lagi kaedah yang boleh diperkenalkan ialah umur persaraan secara pilihan yang fleksibel. Kaedah ini perlu disokong oleh polisi kerja separuh masa, waktu kerja yang juga fleksibel, mengambil semula pekerja yang telah bersara dan sebagainya dengan syarat ianya melindungi hak dan syarat minimum para pekerja dan tidak dengan mudah dieksploitasi oleh majikannya. Dengan cara ini kerajaan akan mengalakkan penuaan yang produktif. Secara tidak langsung kesihatan warga tua juga akan menjadi lebih baik kerana mereka tidak menghadapi tekanan berhubung dengan saraan hidup. Di masa yang sama kerajaan hendaklah juga terus mengambilkira peluang pekerjaan bagi golongan muda.
3. Setiap individu khususnya pekerja hendaklah digalakkan menyimpan untuk hari tua melalui insentif selain dari insentif cukai. Insentif cukai bagi yang menabung dengan KWSP perlu ditingkatkan dan meliputi caruman sukarela. Pada masa ini caruman sukarela kepada KWSP tidak mendapat pengecualian cukai. Dengan cara ini lebih banyak pekerja yang membayar cukai akan meningkatkan caruman mereka dengan KWSP.
4. Bagi individu yang miskin dan tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk hari tua adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membayar pencen asas sebagai perlindungan kewangan yang minimum untuk mereka. Pemberian pencen asas ini adalah merupakan manfaat yang diberikan oleh semua kerajaan di negara-negara maju. Pencen asas ini adalah perlu kerana di negara maju sekali pun, masih terdapat rakyat yang sentiasa miskin. Cuma peratusnya sahaja yang berbeza antara negara. Mereka wajar diberi bantuan kerana keadaan mereka adalah diluar kawalan mereka. Adalah disarankan jumlah pencen asas ini sekurang-kurangnya pada paras RM300 sebulan sebagai permulaan dan dibayar kepada warga tua miskin yang berumur 60 tahun dan keatas kerana umur 60 tahun adalah dianggap umur warga tua bagi negara membangun seperti Malaysia. Pencen ini boleh dibayar daripada hasil negara dengan mengurangkan peruntukan belanjawan bagi keperluan lain yang tidak mendesak.

5. Kerajaan juga hendaklah membangunkan sistem multipillar untuk perlindungan hari tua seperti yang diamalkan oleh semua negara maju seperti Australia. Ini bermakna pendapatan untuk hari tua tidak terhad untuk diperolehi daripada satu sumber sahaja seperti simpanan KWSP atau pencen kerajaan. Struktur untuk sumber-sumber lain perlu diwujudkan seperti pencen "complementary" yang diuruskan oleh majikan dan kerajaan yang dibiayai oleh caruman pekerja dan majikan serta skim simpanan atau insurans yang berkaitan dengan persaraan. Kerajaan boleh belajar dari negara-negara maju tentang sistem yang diamalkan di negara-negara tersebut dan mengubahsuainya dengan kesesuaian dan persekitaran di negara ini.
6. Satu lagi isu yang boleh mengakibatkan kesulitan dihari tua ialah penjagaan kesihatan. Pada masa ini kebanyakan pekerja swasta mendapat perlindungan kesihatan daripada majikan masing-masing. Bagaimanapun apabila mereka bersara mereka tidak lagi mendapat sebarang perlindungan kesihatan. Mereka terpaksa menggunakan simpanan KWSP mereka untuk membiayai penjagaan kesihatan mereka. Kebanyakan mereka tidak mampu untuk mendapatkan rawatan daripada hospital swasta yang pada masa ini didapati lebih efisien perkhidmatannya, kerana kos yang mahal. Oleh yang demikian mereka akan mendapat rawatan daripada hospital kerajaan. Ini akan membebankan lagi pengurusan hospital kerajaan dan ada kemungkinan warga tua tidak akan mendapat layanan dan rawatan yang diperlukan oleh mereka daripada hospital kerajaan. Dalam hal ini kerajaan perlulah membangunkan sistem penjagaan kesihatan untuk warga tua yang feasible dan tidak membebankan warga tua atau pun terlalu membebankan rakyat.
7. Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita pada masa kini terpaksa bergantung kepada tenaga kerja migran. Jumlah tenaga kerja migran pada masa ini secara relatifnya adalah besar. Kebergantungan keatas tenaga kerja migran ini tidak boleh berterusan. Dengan memanjangkan tempuh perkhidmatan seperti yang dicadangkan maka sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah pergantungan tersebut.

## **PENUTUP**

Pihak MTUC ingin mengemukakan perakuan ini untuk pertimbangan kerajaan. Kami percaya bahawa perakuan ini jika diterima boleh menjadi titik permulaan kepada perancangan yang lebih mantap oleh kerajaan untuk menghadapi isu-isu berkaitan dengan perubahan demografi khususnya penuaan penduduk yang akan menimbulkan implikasi negatif jika tidak ditangani lebih awal.

**SYED SHAHIR BIN SYED MOHAMUD**  
**Presiden**